

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASA)**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 1**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara menyeluruh cara pelaksanaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak yang diumumkan baru-baru ini. Apakah justifikasi mewajibkan semua kanak-kanak yang ketinggiannya di bawah 135 cm supaya menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah pelaksanaan dan pemakaian sistem keselamatan kanak-kanak / Child Restraint System (CRS) telah digariskan dengan diperinci di dalam buku panduan yang telah dikeluarkan oleh MIROS. Buku panduan ini antara lain merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu:-

- a. Garis panduan mengenai pematuhan produk CRS yang digunakan;
- b. Garis panduan mengenai cara pemakaian dan penggunaan CRS; dan
- c. Garis panduan pelaksanaan penguatkuasaan ke atas peraturan pemakaian CRS.

## NO. SOALAN : 1

2. Secara umumnya, produk-produk CRS yang akan digunakan hendaklah mematuhi peraturan dan pensijilan di bawah peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations Regulation (UNR) UNR44 atau UNR129. Secara ringkasnya, UNR44 memberi panduan penggunaan produk CRS berdasarkan kumpulan berat kanak-kanak, manakala UNR129 memberi panduan produk CRS berdasarkan ketinggian kanak-kanak.

3. Produk CRS yang mempunyai persijilan kedua-dua UNR ini akan sesuai untuk digunakan bagi kumpulan kanak-kanak di antara umur kelahiran sehingga berat dalam lingkungan 36kg. Dalam hubungan ini, secara umumnya, kanak-kanak yang mempunyai berat 36kg ini adalah berada dalam kumpulan umur 12 tahun dengan lingkungan ketinggian 135cm. Produk-produk CRS yang mematuhi UNR44 juga dikategorikan mengikut kepada kumpulan berat sebagai panduan dan memudahkan orang ramai memilih produk yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Bagitu juga bagi produk yang mendapat persijilan di bawah UNR129, orang ramai boleh meneliti panduan produk untuk mengenalpasti CRS yang bersesuaian untuk anak-anak mereka berdasarkan anggaran ketinggian anak-anak.

4. Di samping itu, had ketinggian 135cm dinyatakan di dalam peraturan CRS kerana bagi kanak-kanak yang melebihi ketinggian ini, mereka telah mempunyai saiz tubuh badan yang lebih sesuai untuk menggunakan tali pinggang keledar sedia ada dalam keadaan yang selamat. Ini kerana tali pinggang keledar 3 point di dalam kenderaan adalah direka untuk penumpang dewasa dengan ketinggian 135cm ke atas.

5. CRS telah direka khas untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak kerana mereka mempunyai tubuh badan yang masih diperingkat tumbesaran dengan struktur tulang yang masih belum matang. Oleh itu, penggunaan CRS akan membolehkan tubuh badan kanak-kanak menahan daya hentaman dari impak kemalangan dengan lebih sempurna berbanding sekiranya hanya menggunakan tali pinggang keledar sahaja.

Sekian, terima kasih.